

22 OCT 1996

Sabah-Rumah

SABAH KAJI KADAR HARGA RUMAH KOS RENDAH

KOTA KINABALU, 22 Okt (Bernama) -- Sabah akan mengkaji kadar harga rumah kos rendah dan mengemukakan cadangannya kepada kerajaan persekutuan dalam masa sebulan, kata Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, Datuk Lajim Ukin.

Beliau berkata ini berikutan saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini bahawa kadar harga rumah kos rendah di negara ini pada masa akan datang akan ditetapkan mengikut lokasi.

"Kajian ini termasuklah sama ada harga RM25,000 hingga RM32,000 seunit bagi rumah kos rendah di Sabah sekarang masih menguntungkan pemaju atau sebaliknya, dan kalau hendak dinaikkan, kerajaan akan memberikan alasan yang kukuh," katanya di sini hari ini.

Beliau berkata demikian pada persidangan akhbar selepas merasmikan projek pemuliharaan Bukit Vor, sebuah pusat rekreasi di Putatan dekat sini oleh Timbermaster Properties Sdn Bhd yang akan membina 100 unit pangasapuri mewah dekat bukit tepi pantai itu.

Lajim berkata kerajaan juga akan mengambil kira faktor kemampuan rakyat khususnya golongan berpendapatan rendah dan sederhana dalam kajian harga berkenaan.

"Kita tidak mahu kalau harga rumah kos rendah terlalu tinggi dan orang tempatan tidak mampu membelinya, nanti pemaju akan menjualkannya kepada orang luar pula, dan akhirnya ini tidak dapat menyelesaikan masalah perumahan di sini," katanya.

Lajim juga mengingatkan pemaju perumahan agar tidak hanya memberi keutamaan kepada rumah kos sederhana dan tinggi yang boleh mendatangkan keuntungan yang lebih besar tetapi mengabaikan kepentingan rakyat berpendapatan kecil. -- BERNAMA

KG NMO